

DASAR KESIHATAN MENTAL UKM

UKM beriltizam untuk mewujudkan persekitaran kondusif yang menekankan kesejahteraan kesihatan mental dalam kalangan warga universiti, berfokus kepada promosi serta pencegahan masalah kesihatan mental secara berterusan dengan mewujudkan sistem penjagaan kesihatan mental yang komprehensif.

Bagi menjayakan dasar tersebut, UKM akan memastikan langkah-langkah berikut dilaksanakan:

1. Memastikan penjagaan kesihatan mental yang boleh dicapai secara saksama bagi warga UKM.
2. Menyediakan fasiliti yang kondusif untuk penjagaan dan rawatan kesihatan mental yang efektif.
3. Menggembungkan tenaga kepakaran multidisiplin (psikiatri, kaunselor, ahli psikologi dan pekerja sosial perubatan) untuk mengoptimalkan keberkesanan penjagaan dan rawatan secara bersepadu dan berterusan.
4. Menggalakkan kolaborasi dalam dan luar Pusat Tanggungjawab bagi menyebarluaskan maklumat pencegahan dan rawatan kesihatan mental.
5. Memastikan keterlibatan komuniti kampus dalam aktiviti pencegahan dan promosi kesihatan mental secara menyeluruh.
6. Menyedia dan membangun bakat yang kompeten untuk memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan mental yang efektif.
7. Memastikan pengurusan pemeriksaan, pemantauan dan pematuhan kesihatan pekerjaan dilakukan secara berkala.
8. Melaksanakan pengumpulan data dan penyelidikan secara berterusan untuk membantu pembuatan keputusan dalam penambahbaikan dasar.
9. Memastikan hak, privasi dan kebebasan warga UKM yang mengalami masalah kesihatan mental mendapat jaminan dan perlindungan perundangan.
10. Membuat semakan dan penambahbaikan yang berterusan dalam mengemaskini dasar sedia ada agar bersifat inklusif dan komprehensif.